

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]**

**TARIKH : 7 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan senarai terperinci Rang Undang-undang yang tidak diperkenankan oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong serta tidak diluluskan oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat sejak 1959 hingga kini.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED BIN HANIPA, TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 1993 (DR.1/1993) yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dan Dewan Negara pada 19 Januari 1993 dan 20 Januari 1993 telah tidak diperkenan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Susulan daripada itu, satu Mesyuarat Khas telah diadakan pada 8 hingga 10 Mac 1993 yang disusuli dengan perkenan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 22 Mac 1993.

Selain itu, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara 2015 (DR. 38/2015) yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015 dan Dewan Negara pada 22 Disember 2015 telah tidak diperkenan oleh KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang tersebut telah menjadi undang-

## NO. SOALAN 34

undang berdasarkan Perkara 66(4A) Perlembagaan Persekutuan iaitu *“jika sesuatu Rang Undang-Undang tidak diperkenan oleh Yang di-Pertuan Agong dalam masa yang ditentukan dalam fasal (4), Rang Undang-Undang itu hendaklah menjadi undang-undang apabila habis masa yang ditentukan dalam Fasal itu mengikut cara yang sama seolah-olah dia telah memperkenankannya.”*

Seterusnya, Rang Undang-undang Antiberita Tidak Benar (Pemansuhan) 2018 (DR.14/2018) telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 16 Ogos 2018. Walau bagaimanapun, Rang Undang-undang tersebut telah tidak diluluskan oleh Dewan Negara pada 12 September 2018.

Akhir sekali, Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 (DR.7/2019) telah tidak diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 9 April 2019 apabila tidak mendapat dua per tiga majoriti yang diperlukan.

Sekian, terima kasih.